

5 Soalan

'Ajaran sesat mungkin didalangi warga asing'

» Pihak berkuasa tak ambil berat fatwa, lewat bertindak

Soalan: Kes ini mengemparkan negara hingga ada yang mengandai-kan ia didalangi kumpulan ajaran sesat yang ekstrem. Adakah ia kerana kemasukan ramai warga asing terutama dari Indonesia, pelajar dan pensyarah yang turut menyebarkan fahaman songsang kepada rakyat kita?

Jawapan: Kemungkinan itu ada kerana jika ada peluang untuk memimpin agama di kawasan tertentu, mereka akan ambil peluang itu. Mereka berperawakan seperti warak hingga masyarakat terpengaruh. Tambahan pula kemungkinan memiliki ilmu sampingan, antaranya sihir dan ilmu hitam hingga mampu mendapat perhatian masyarakat. Lebih-lebih lagi penduduk Malaysia mudah tertarik dengan sesuatu yang baru. Apabila ada orang luar hadir membawa mazhab dan memberi pandangan lain, masyarakat kita percaya.

Walaupun tiada pengetahuan agama, mereka lihat ada peluang untuk mewujudkan tarikat yang antara amalannya tidak perlu berdo'a, laluan mudah masuk syurga dan jalan pintas dapat pahala. Masyarakat kita mudah terpengaruh kerana ahli agama dan pihak bertanggungjawab tidak peka dengan persekitaran. Contohnya, walaupun Syiah diharamkan pada 1996, pihak berkuasa tak ambil berat kerana alasannya kumpulan itu tak buat kacau, sekadar nak amalkan mazhab.

Apabila sudah kritikal, baru ambil tindakan, sedangkan ketika itu ada rakyat Malaysia sudah sebatikan ajaran itu. Ada masa ma-

Ahad lalu, Ketua Penolong Pengarah Penguat Kuasa Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Ahmad Rafli Abdul Malek, mati ditembak. Pelbagai andaian timbul termasuk ia didalangi kumpulan ajaran sesat. Wartawan BH, Norfatimah Ahmad berkongsi pandangan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin mengenai tragedi itu dan kemungkinan kaitannya dengan kumpulan ajaran sesat.

syarakat tak ambil kisah hingga kita berdepan situasi kritikal. Masyarakat jadi pengikut ekstrem hingga sukar dipulihkan dan boleh mendorong kepada membunuh. Selain penguatkuasaan lemah dan masyarakat mudah terpengaruh, faktor ketiga adalah ajaran sesat dibuat secara tersembunyi, pengikut tidak ramai tapi mampu mematuhi amalan dengan mantap hingga taksub. Faktor lain ia dapat berkembang kerana walaupun kerajaan sediakan sekolah agama, masjid dan guru, masalahnya (mereka) mahukan yang senyap-senyap dan dianggap sebagai asas agama hingga berlaku banyak penyelewengan.

S: Banyak sesi ceramah, tazkirah membabitkan imam, pendakwah warga asing jemputan yang tidak diketahui kelaya-kannya serta fahaman sebenar mereka. Apa pandangan Tan Sri mengenai situasi ini?

J: Kita mohon pihak berkuasa, imam masjid, JKKK, penguat kuasa jabatan agama dan masyarakat jika dengar zikir yang berlainan, ada kumpulan membaca zikir luar biasa, seelok-eloknya peka dan bekerjasama memaklumkan kepada pihak berkuasa. Perlu diingat zikir hanya ada dalam al-Quran dan hadis, tetapi amalan yang kita tak tahu makna dan bahasanya tentu sesuatu yang mengangut.

S: Kita ada peraturan yang mewajibkan penceramah, imam, pensya-

rah supaya dapatkan kebenaran pihak berkuasa agama sebelum berceramah, berdakwah atau jadi imam, tapi ia seolah-olah dipandang enteng. Selain itu, ada juga mengaku hafiz dan dipandang tinggi walaupun kita tidak tahu siapa yang mengiktiraf mereka.

J: Sememangnya ada peraturan di setiap negeri dirangka bukan untuk sekat aktiviti berdakwah, tetapi untuk jaga supaya apa yang disampaikan benar-benar ikut ajaran Islam, bukan songsang. Tanpa peraturan, tentu ada yang ambil peluang menyebarkan muslimat untuk kepentingan tertentu. Jika nak bagi gelaran atau panggil individu tertentu untuk jadi imam atau berdakwah, mesti pastikan dulu kelayakan mereka. Dapatkan kebenaran pihak berkuasa, selidik latar belakang sama ada hafiz atau tidak. Jangan mudah terpengaruh.

S: Ketika pihak berkuasa mengesan ajaran sesat, apa tindakan segera dan penyelesaiannya?

J: Langkah terbaik, sedarkan umat Islam supaya kembali kepada ajaran sebenar dengan kerjasama semua pihak termasuk media. Penguat kuasa di negeri pula perlu anggap sebarang keputusan (fatwa) yang diwartakan mesti dilaksanakan, selain memastikan penguatkuasaan sepanjang masa, bukan bermusim.

S: Mengapa kita seperti



Abdul Shukor Husin

tidak nampak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pihak berkuasa agama tegas dalam membendung ajaran sesat termasuk Syiah. Adakah kerana pegawai agama kita tidak cukup ilmu untuk berhujah jika dikritik pihak tertentu atau oleh guru ajaran sesat itu sendiri?

J: Apabila Majlis Fatwa Kebangsaan dan jabatan agama Islam negeri memberikan pandangan mengenai sesuatu ajaran, ia tidak dibuat kecuali selepas melakukan kajian. Biasanya, sesuatu fatwa diputuskan selepas kajian dengan melantik pakar dari universiti dan institusi. Oleh itu, apabila kita katakan salah, ia bukan sekadar pandangan biasa tetapi berdasarkan kajian. Misalnya Syiah, kumpulan ini sudah dihukum sesat, jadi takkan semua pihak termasuk pihak berkuasa negeri tak percaya hasil siasatan berdasarkan fakta ilmiah.

Berdialog dengan kumpulan ajaran sesat boleh dilakukan jika kita rasa ada perkara yang masih samar. Dalam kes Tuhan Harun, takkan nak berdialog lagi sedangkan kajian Jabatan Agama Islam Pahang mendapati ia menyeleweng. Malangnya, masih ada mahu mengikut ajaran itu. Jadi, jalan terbaik adalah terus bertindak tegas menyedarkan mereka dan bertaubat. Sememangnya dialog tidak perlu lagi kerana ajaran itu sememangnya sesat. Jika berdialog dengan kumpulan sesat, seolah-olah memberi peluang kepada mereka, sedangkan sudah jelas ajarannya sesat, malah ada yang bertindak menyeleweng dan ekstrem.